

PENGURUSAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PEKERJA MUDA

Nuraini Abdullah
Mohamad Fazli Sabri
Husniyah Abdul Rahim
Mohd. Amim Othman
Afida Mastura Muhammad Arif
Nurul Farhana Zakaria
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Peningkatan kos sara hidup dan pendapatan isi rumah yang tidak stabil dilihat sebagai faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan bebanan hutang, terutamanya dalam kalangan pekerja muda yang akhirnya mendorong kepada masalah muflis. Senario muflis dalam kalangan pekerja muda bukan hanya berlaku di Malaysia, malahan menjadi topik yang hangat dibincangkan di serata dunia. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia pada tahun 2012, seramai 19,575 ribu penduduk Malaysia telah diisytiharkan muflis dengan 11,264 ribu terdiri daripada pekerja muda dibawah umur 40 tahun. Di Jerman, misalnya pada tahun 2011 mempunyai kepadatan penduduk seramai 6.4 milion dan hampir 243,000 ribu pekerja muda berada dalam keadaan hutang yang tinggi (Zimmermann, 2011). Hal yang sama turut berlaku di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat, iaitu peningkatan hutang pekerja muda bertambah hampir 100% di UK dan 52% di Amerika Syarikat pada tahun 2004. Peningkatan hutang yang berpanjangan sejak kebelakangan ini telah menyebabkan berlakunya Krisis Kewangan Global (GFC), (Stutchbury, 2010).

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan juga sebagaimana yang dilaporkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2005-2010), satu perdua daripada jumlah penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia yang jumlahnya mencecah seramai 11.65 juta orang. Hal ini bermakna golongan pekerja muda merupakan komposisi terbesar penduduk di Malaysia dan menjadi pemangkin utama negara bagi mewarisi pencapaian negara pada masa hadapan. Sehubungan itu, kajian berkaitan pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja muda merupakan satu kajian yang relevan untuk diketengahkan di Malaysia seiring dengan kemewahan yang dibawa oleh

pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC), 41 orang pekerja muda muflis setiap hari, yang berpunca daripada kegagalan menguruskan hutang seperti kegagalan membayar pinjaman sewa beli kenderaan, penggunaan kad kredit yang berlebihan dan pinjaman peribadi.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Jun 2012) menunjukkan bahawa sewa beli kereta menyumbang sebanyak 25% kepada kes muflis di Malaysia, diikuti pinjaman peribadi dan pinjaman perumahan sebanyak 13%. Kurangnya pengetahuan, sikap materialistik, gaya hidup mewah dan pengaruh persekitaran dikatakan antara faktor yang turut menyumbang kepada amalan pengurusan kewangan yang tidak bijak dan tidak berhemah ini. Suasana ekonomi semasa dan faktor yang dinyatakan di atas menyebabkan generasi muda menjadikan hutang sebagai jalan penyelesaian utama untuk memperoleh apa yang diidam-idamkan. Kajian yang dilakukan oleh Fazli, MacDonald, Hira dan Jariah (2010) dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi mendapati bahawa mereka mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah. Ekoran kurangnya pengetahuan kewangan sejak peringkat awal, ia cenderung memberi kesan sehingga ke peringkat dewasa sekiranya tiada inisiatif yang diambil oleh individu untuk meningkatkan pengetahuan kewangannya. Kajian yang dijalankan oleh CRRC mendapati bahawa 43% pekerja muda dilihat mempunyai literasi kewangan yang rendah.

Selain faktor literasi kewangan dan amalan pengurusan kewangan yang mendorong kepada keberhutangan pekerja muda, tindakan individu yang terlalu mengikutkan tuntutan kehendaknya yang tidak terhad mendorong kepada masalah dalam perancangan kewangan. Oleh itu, perancangan mengenai pemerolehan dan penggunaan sumber-sumber adalah perlu untuk memastikan kesejahteraan kewangan (Husniyah, Syuhaily, Fazli, Amim dan Ahmad, 2005). Hutang seringkali dilihat sebagai perkara yang membebankan, namun jika hutang yang dimiliki dapat diuruskan dengan baik maka senario muflis seperti yang dilihat pada masa ini dapat dihindari. Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja muda, terutamanya daripada aspek literasi kewangan, amalan pengurusan kewangan, masalah kewangan dan pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda.

Kajian literatur

Literasi kewangan amat penting supaya pekerja muda berupaya mengawal perbelanjaan dan mengurangkan risiko krisis kewangan apabila menghadapi persaraan dan juga kecemasan. Kajian yang dilakukan oleh FINRA Investor Education Foundation (FINRA Foundation) pada tahun 2012 menunjukkan

bahawa skor literasi kewangan dalam kalangan pekerja muda menurun daripada 3.0 pada 2009 bagi jawapan betul kepada 2.88 pada tahun 2012. Mengikuti kajian lepas yang telah dilakukan oleh Bell dan Lerman (2005), didapati individu yang berpengetahuan mengenai kewangan akan membuat keputusan yang bijak sebelum membuat pilihan pembelian. Kajian yang dilakukan oleh Lusardi dan Tufano (2009) menyatakan bahawa kurangnya pengetahuan individu mempengaruhi keinginan mereka untuk mengambil pinjaman peribadi dan kad kredit tanpa menyedari akibat yang akan ditanggung kemudian.

Kurangnya pengetahuan mengenai aspek kewangan peribadi dan amalan pengurusan kewangan yang tidak bijak dan berhemah akan menyumbang kepada pengurusan hutang yang lemah. Amalan pengurusan kewangan merangkumi aspek hutang, pelaburan, insurans, persaraan dan perancangan estetik (Jodi & Phyllis, 1998). Menurut Dowling, Corney dan Hoiles (2009), berdasarkan kajian yang dilakukan dalam kalangan pekerja muda di Australia, dinyatakan bahawa tahap masalah kewangan yang dihadapi oleh individu boleh ditentukan dengan amalan pengurusan kewangan individu tersebut. Kajian lepas turut menunjukkan bahawa amalan pengurusan kewangan mempunyai perkaitan positif yang signifikan dengan kesejahteraan kewangan (Zaimah, 2010).

Pengurusan hutang yang lemah berpunca daripada masalah kewangan yang tidak ditadbir dengan baik. Perkaitan pengurusan hutang dan masalah kewangan dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Williams, Haldeman dan Cramer (1996) yang menunjukkan bahawa individu yang mempunyai banyak masalah kewangan cenderung berhadapan dengan masalah pengurusan hutang yang serius. Hasil kajian daripada Roberts dan Jones, (2001) mendapati bahawa pekerja muda mencatatkan statistik tertinggi dalam masalah kewangan dan ketidakpuasan hati mengenai kewangan. Didapati 60% daripada generasi muda di Amerika Syarikat yang berumur antara 18-39 tahun menghadapi bebanan hutang pendidikan yang tinggi sehingga tidak mampu membayarnya (Whitsett, 2012). Menurut Thums, Newman dan Xiao (2008), generasi muda yang berumur dalam lingkungan 20-24 tahun mempunyai masalah kewangan dan mempunyai kurang keyakinan mengenai pengurusan hutang. Kesimpulannya, kajian berkaitan pengurusan hutang amat diperlukan. Hal ini kerana peningkatan bebanan hutang, terutamanya oleh golongan muda yang mempunyai pendapatan dan tahap pendidikan yang rendah menyebabkan mereka tidak dapat memastikan kestabilan jangka masa panjang bagi diri mereka dan keluarga (Fazli dan Mumtazah, 2010).

Metodologi kajian

Persampelan

Responden yang terlibat dalam kajian ini berumur 40 tahun ke bawah. Seramai 480 orang responden yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan swasta telah dipilih secara kaedah persampelan rawak berlapis di zon tengah iaitu Putrajaya, Selangor, Kuala Lumpur dan Perak melalui ketua jabatan atau ketua bahagian masing-masing. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Setiap responden diberi masa selama 30 minit untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik yang diedar mengandungi enam bahagian yang merangkumi soalan berkaitan dengan demografi, status kewangan, literasi kewangan, amalan pengurusan kewangan, masalah kewangan dan pengurusan hutang.

Instrumen

Latar belakang responden meliputi soalan berkaitan dengan demografi dan sosioekonomi, status kewangan, peratus simpanan bulanan, pemilikan aset dan bebanan hutang yang ditanggung. Literasi kewangan diukur berdasarkan 20 item mengenai aspek matlamat kewangan, simpanan, pelaburan, kadar faedah, pinjaman dan perbankan Islam menggunakan skala “Betul=2” “Salah=0” dan “Tidak Tahu=1”. Amalan pengurusan kewangan mempunyai 10 item. Bahagian ini menggunakan skala “Tidak Pernah”, “Kadang-kadang”, dan “Selalu”. Bahagian ini mengandungi pernyataan positif dan negatif dan ditelah “*recode*”. Bahagian masalah kewangan mempunyai 21 item dan menggunakan tiga skala iaitu “Tak Pernah”, “Kadang-kadang” dan “Selalu”. Skala Likert digunakan di bahagian pengurusan hutang dengan 17 item (Sangat Tidak Setuju=1 sehingga Sangat Setuju=5).

Hasil kajian

Sosio demografi responden

Maklumat sosiodemografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1. Sebahagian besar responden yang terlibat dalam kajian ini adalah perempuan dengan peratusan sebanyak (64.2%) dan selebihnya adalah lelaki (35.8%). Analisis kategori umur menunjukkan kebanyakan responden berada dalam lingkungan umur 25-29 (34.2%) dan diikuti dengan responden berumur 30-34 (33.8%). Dari segi kumpulan etnik, peratusan responden Melayu (92.3%) melebihi etnik India (3.3%) dan Cina (3.1%). Lebih dua pertiga responden telah berkahwin manakala hanya satu perempat (30.6%) masih bujang. Sebanyak 33.8% responden mempunyai pendidikan tertinggi di peringkat

sijil atau diploma dan lebih daripada satu per empat mempunyai pendidikan di peringkat ijazah sarjana muda. Sebilangan besar responden (41.7%) mempunyai pendapatan bulanan antara RM1001-RM2000, manakala hanya 5% responden mempunyai pendapatan melebihi RM5001 sebulan.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Profil Responden	Frekuensi(N=480)	Peratus(%)
Sektor pekerjaan		
Awam	290	60.4
Swasta	190	39.6
Jantina		
Lelaki	172	35.8
Perempuan	308	64.2
Umur		
20-24	27	5.6
25-29	164	34.2
30-34	162	33.8
35-39	86	17.9
40	41	8.5
Min 31.25		
Etnik		
Melayu	443	92.3
India	16	3.3
Cina	15	3.1
Lain-lain	6	1.2
Tahap pendidikan		
Sek. Men.(SPM/STPM)	161	33.5
Sijil/Diploma	162	33.8
Ijazah Sarjana Muda	135	28.1
Ijazah Sarjana/Doktor Falsafah	20	4.2
Status perkahwinan		
Berkahwin	320	66.7
Bercerai/Berpisah	8	1.7
Balu/Duda	5	1.0
Bujang	147	30.6
Pendapatan bulanan		
<RM1000	31	6.5
RM1001-RM2000	200	41.7
RM2001-RM3000	110	22.9
RM3001-RM4000	54	11.2
RM4001-RM5000	28	5.8
>RM5001	24	5.0

Jadual 2, menunjukkan status kewangan responden. Majoriti responden dilihat mula mengumpul aset dan 40% daripada mereka memiliki rumah sendiri, manakala lebih satu perdua responden mempunyai simpanan bulanan

kurang daripada 10%. Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (2012), individu sekurang-kurangnya perlu menyimpan 10% daripada gaji untuk kegunaan pada masa hadapan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa lebih daripada dua pertiga responden mempunyai nilai harta sama atau kurang daripada nilai hutang. Lebih daripada satu pertiga responden menyatakan bebanan hutang adalah sangat membebankan dan membebankan.

Jadual 2: Status Kewangan

Angkubah	n	(%)
Status milikan rumah		
Milik sendiri	192	40
Milik ahli keluarga	88	18.3
Tanah/Rumah pusaka	5	1.0
Sewa	124	25.8
Milik saudara/Rakan	2	0.4
Milik majikan (kuarters)	63	13.1
Menumpang	3	0.6
Lain-lain	3	0.6
Peratus simpanan bulanan(tidak termasuk KWSP)		
0%	33	6.9
1%-<10%	258	53.8
10%-<20%	151	31.5
>20%	38	7.9
Status kewangan		
Nilai harta kurang daripada nilai hutang	155	32.3
Nilai harta sama dengan nilai hutang	159	33.1
Nilai harta melebihi nilai hutang	166	34.6
Cekcukupan pendapatan		
Tidak mencukupi	43	9.0
Cukup untuk keperluan asas sahaja	256	53.3
Cukup untuk kebanyakan benda	122	25.4
Cukup untuk membeli kesemua benda yang dihajati dan dapat menyimpan wang	59	12.3
Bebanan hutang		
Sangat membebankan	13	2.7
Membebankan	142	29.6
Tidak pasti	133	27.7
Tidak Membebankan	179	37.3
Sangat tidak membebankan	13	2.7

Literasi kewangan

Analisis kajian mendapati bahawa responden kurang berpengetahuan mengenai aspek yang berkaitan dengan kredit. Hal ini jelas ditunjukkan apabila lebih daripada satu perempat daripada jumlah responden memberikan

jawapan “tidak tahu” bagi item satu hingga empat. Terdapat lebih daripada satu perdua daripada jumlah responden tidak mengetahui akan syarat untuk permohonan mendapatkan kad kredit. Seterusnya, analisis mendapati separuh daripada jumlah responden tidak tahu peranan sistem informasi rujukan kredit (CCRIS) dan sebanyak 58.1% daripada responden tidak tahu syarat yang membolehkan individu diisytiharkan muflis. Sementara itu, hampir separuh daripada jumlah responden tidak tahu mengenai konsep pelaburan perbankan Islam dan 59.2% tidak tahu bahawa kontrak takaful adalah berdasarkan prinsip penuh percaya mutlak (amanah). Secara keseluruhannya, responden didapati kurang berpengetahuan dalam beberapa aspek pengurusan kewangan, terutamanya yang berkaitan dengan kredit, takaful dan perbankan Islam.

Jadual 3: Literasi Kewangan


No.	Literasi kewangan	Betul (%)	Salah (%)	Tidak tahu (%)
1.	Pengeluaran wang tunai menggunakan kad kredit adalah sumber kewangan yang berkos rendah. (Jawapan: Salah)	49 (10.2)	303 (63.1)	128 (26.7)
2.	Membeli secara kredit akan mengurangkan kuasa beli pada masa hadapan. (Jawapan: Betul)	157 (32.7)	199 (41.5)	124 (25.8)
3.	Tiada caj dikenakan bagi pengeluaran tunai melalui kad kredit. (Jawapan: Salah)	30 (6.2)	330 (68.8)	120 (25)
4.	Semakin panjang tempoh bayaran balik pinjaman semakin rendah kos keseluruhan pinjaman tersebut. (Jawapan: Salah)	80 (16.7)	345 (71.9)	55 (11.5)
5.	Pemohon kad kredit perlu mempunyai sekurang-kurangnya RM24,000 pendapatan setahun. (Jawapan: Betul)	163 (34)	63 (13.1)	254 (52.9)
6.	Kenaikan harga barang mengurangkan kuasa beli. (Jawapan: Betul)	360 (75)	75 (15.6)	45 (9.4)
7.	Penyata aliran tunai (pendapatan) menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan keluarga pada satu tarikh tertentu. (Jawapan: Betul)	335 (69.8)	29 (6)	116 (24.2)
8.	Sistem informasi rujukan kredit (CCRIS) merupakan biro kredit yang mengumpul, proses, menyimpan dan mewujudkan informasi kredit. (Jawapan: Betul)	213 (44.4)	20 (4.2)	247 (51.1)
9.	Seseorang penjamin bagi sesuatu pinjaman turut boleh diisytiharkan muflis. (Jawapan: Betul)	352 (73.3)	36 (7.5)	92 (19.2)

Jadual 3 (sambungan)

No.	Literasi kewangan	Betul (%)	Salah (%)	Tidak tahu (%)
10.	Individu yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan memohon pinjaman melebihi RM1000. (Jawapan: Betul)	131 (27.3)	58 (12.1)	291 (60.6)
11.	Seseorang boleh diisytiharkan muflis jika gagal membayar hutang sejumlah RM30,000. (Jawapan: Betul)	152 (31.7)	49 (10.2)	279 (58.1)
12.	Kadar faedah akaun simpanan biasa (<i>Saving Account</i>) lebih tinggi daripada kadar faedah akaun simpanan tetap (<i>Fixed Deposit</i>). (Jawapan: Salah)	77 (16)	201 (41.9)	202 (42.1)
13.	Semua bentuk pelaburan sentiasa memberi keuntungan. (Jawapan: Salah)	143 (29.8)	258 (53.8)	79 (16.5)
14.	Keluarga disarankan mempunyai simpanan kecemasan sekurang-kurangnya 3 bulan pendapatan. (Jawapan: Betul)	381 (79.4)	23 (4.8)	76 (15.8)
15.	Konsep pelaburan perbankan Islam boleh melabur dengan anda mengikut kaedah perkongsian keuntungan (mudharabah) sahaja. (Jawapan: Betul)	153 (31.9)	75 (15.6)	252 (52.5)
16.	Takaful menggunakan gabungan kontrak <i>Tabarru'</i> (derma) sesama peserta takaful, mudharabah (berkongsi keuntungan) dan wakalah antara pengendali dan pihak yang diinsuranskan. (Jawapan: Betul)	189 (39.4)	19 (4)	272 (56.7)
17.	Wang takaful hanya boleh dilaburkan dalam instrumen yang memenuhi syariah (Jawapan: Betul)	235 (49)	16 (3.3)	229 (47.7)
18.	Pelan perlindungan takaful terbahagi kepada dua iaitu takaful am dan takaful keluarga. (Jawapan: Betul)	233 (48.5)	27 (5.6)	220 (45.8)
19.	Kontrak takaful adalah berdasarkan prinsip penuh percaya mutlak (amanah) yang memerlukan anda mendedahkan maklumat yang berkaitan. (Jawapan: Betul)	139 (29)	57 (11.9)	284 (59.2)
20.	Kaedah faedah bagi pinjaman tidak bercagar seperti pinjaman peribadi biasanya rendah berbanding kadar faedah pinjaman bercagar seperti pinjaman perumahan. (Jawapan: Betul)	135 (28.1)	100 (20.8)	245 (51)

Tahap literasi kewangan

Analisis terhadap keseluruhan komponen literasi kewangan mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai tahap literasi kewangan yang sederhana (44%), diikuti dengan tahap literasi kewangan yang rendah sebanyak 29% dan hanya 27% responden mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi.



Rajah 1: Tahap Literasi Kewangan

Amalan pengurusan kewangan

Jadual 4 menunjukkan amalan pengurusan kewangan yang sering diamalkan oleh responden. Amalan pengurusan kewangan menjadi komponen penting dalam pengurusan hutang kerana jika pengurusan kewangan diamalkan secara bijak dan berhemah ia dapat mengelak seseorang daripada berhadapan dengan masalah kewangan, sekaligus dapat meningkatkan simpanan dan pelaburan mereka. Kajian mendapati 18.1% daripada jumlah responden tidak pernah dan 43.1% kadang-kadang membuat pelaburan pada setiap bulan dalam saham amanah. Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (2012), adalah dicadangkan agar seseorang individu untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan bulanan mereka bagi tujuan simpanan. Responden juga dilihat gemar meminjam wang daripada keluarga, teman, saudara-mara atau majikan apabila didapati hampir separuh daripada jumlah responden kadang-kadang/selalu meminjam wang daripada golongan tersebut. Kecenderungan meminjam wang membawa kepada risiko yang lebih serius apabila hampir 9% responden mengaku kadang-kadang/selalu


meminjam wang daripada ceti haram atau along. Walaupun begitu, tidak semua responden mempunyai amalan pengurusan kewangan yang lemah apabila didapati 67.5% daripada jumlah responden membuat pembayaran pinjaman mengikut jadual.

Jadual 4: Amalan Pengurusan Kewangan

No.	Amalan Pengurusan Kewangan	Tidak Pernah (%)	Kadang-kadang (%)	Selalu (%)
1.	Menyimpan rekod perbelanjaan	52 (10.8%)	302 (62.9%)	126 (26.2%)
2.	Rancang perbelanjaan atau bajet	20 (4.2%)	225 (46.9%)	235 (49%)
3.	Membuat pelaburan setiap bulan (saham amanah seperti ASB/ASN)	87 (18.1%)	207 (43.1%)	186 (38.8%)
4.	Pajak barang untuk dapat wang tunai	378 (78.8%)	87 (18.1%)	15 (3.1%)
5.	Pembayaran pinjaman/kredit dibuat mengikut jadual	51(10.6%)	105(21.9%)	324 (67.5%)
6.	Membayar semua bil dalam tempohnya (bil utiliti seperti air dan elektrik)	17 (3.5%)	94 (19.6%)	369 (76.9%)
7.	Meminjam wang dari keluarga, teman, saudara-mara atau majikan	300 (62.5%)	163 (34%)	17 (3.5%)
8.	Cuba untuk melangsaikan pinjaman/hutang lebih awal	23 (4.8%)	195 (40.6%)	262 (54.6%)
9.	Meminjam wang daripada ceti haram/along	439 (91.5%)	31 (6.5%)	10 (2.1%)
10.	Membuat pembayaran zakat	111 (23.1%)	120 (25%)	249 (51.9%)

Tahap amalan pengurusan kewangan

Rajah 2 menunjukkan tahap amalan pengurusan kewangan responden kajian, iaitu terdapat peratusan yang seimbang antara tahap amalan sederhana dengan tahap amalan tinggi. Amalan pengurusan kewangan yang baik dapat mendorong individu melatih diri menguruskan bebanan hutang dengan lebih baik.



Rajah 2: Tahap Amalan Pengurusan Kewangan

Masalah kewangan

Analisis deskriptif daripada Jadual 5 menunjukkan masalah kewangan yang dihadapi oleh responden dalam kajian ini. Satu pertiga daripada responden mengaku kadang-kadang mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk rawatan perubatan, manakala, hampir 30% daripada jumlah responden tidak mampu membayar bil-bil utiliti seperti bil air, elektrik dan telefon. Hakikatnya, kedua-dua perkara iaitu perubatan dan perkara asas seperti air dan elektrik merupakan keperluan asas yang diperlukan oleh manusia. Jika kedua-dua perkara asas ini dipandang remeh, mereka akan berhadapan dengan masalah yang akan menjejaskan kehidupan pekerja muda pada masa hadapan, terutamanya ketika persaraan kelak. Masalah kewangan berterusan apabila hasil analisis mendapati hampir satu perdua responden kadang-kadang membayar sebahagian bil dan hutang selepas tamat tempoh atau selepas tarikh yang ditetapkan. Selain itu, majoriti responden didapati menggunakan simpanan untuk keperluan harian, 48.3% kadang-kadang tidak tahu bagaimana wang dibelanjakan dan separuh daripada responden kadang-kadang berbelanja lebih daripada pendapatan. Masalah kewangan yang tidak dibendung dan tidak diuruskan dengan bijak akan mendorong kepada bebanan hutang yang tinggi.


Jadual 5: Masalah Kewangan

No.	Masalah Kewangan	Tidak Pernah (%)	Kadang-kadang (%)	Selalu (%)
1.	Tidak mampu untuk membeli insuran.	252 (52.5%)	183 (38.1%)	45 (9.4%)
2.	Tidak mempunyai cukup wang untuk rawatan perubatan.	304 (63.3%)	156 (32.5%)	20 (4.2%)
3.	Tidak mampu untuk membayar bil-bil utiliti (air, elektrik, telefon).	370 (77.1%)	100 (20.8%)	10 (2.1%)
4.	Tidak berupaya untuk membayar ansuran hutang.	340 (70.8%)	128 (26.7%)	12 (2.5%)
5.	Menerima "notis lewat" daripada pemiutang.	324 (67.5%)	144 (30%)	12 (2.5%)
6.	Membayar sebahagian bil selepas tamat tempoh.	243 (50.6%)	220 (45.8%)	17 (3.5%)
7.	Membayar hutang selepas tarikh ditetapkan.	241 (50.2%)	214 (44.6%)	25 (5.2%)
8.	Guna simpanan untuk keperluan harian.	133 (27.7%)	296 (61.7%)	51 (10.6%)
9.	Menerima notis tunggakan bil.	241 (50.2%)	227 (47.3%)	12 (2.5%)
10.	Pinjam untuk beli barang keperluan.	351 (73.1%)	115 (24%)	14 (2.9%)
11.	Tidak mempunyai wang tunai untuk kecemasan.	226 (55.4%)	192 (40%)	22 (4.6%)
12.	Ambil hutang baru untuk tampung hutang lama.	305 (63.5%)	159 (33.1%)	16 (3.3%)
13.	Menyimpan kurang 10% daripada jumlah pendapatan bulanan anda.	121 (25.2%)	251 (52.3%)	108 (22.5%)
14.	Tidak tahu bagaimana wang dibelanjakan.	204 (42.5%)	232 (48.3%)	44 (9.2%)
15.	Belanja melebihi pendapatan.	197 (41%)	240 (50%)	43 (9%)
16.	Berhutang sebelum dapat gaji.	291 (60.6%)	171 (35.6%)	18 (3.8%)
17.	Berselisih faham dengan pasangan berkaitan hal kewangan.	259 (54%)	190 (39.6%)	31 (6.5%)
18.	Tidak dapat tumpu perhatian kepada kerja kerana masalah kewangan.	334 (69.6%)	127 (26.5%)	19 (4%)
19.	Gagal mendapat pinjaman kerana laporan kredit tidak memuaskan.	381 (79.4%)	81 (16.9%)	18 (3.8%)
20.	Meminjam wang daripada keluarga atau kawan untuk membayar hutang.	347 (72.3%)	118 (24.6%)	15 (3.1%)
21.	Bergantung kepada kerja sampingan, kerja lebih masa, komisen/bonus untuk membiayai sara hidup.	289 (60.2%)	168 (35%)	23 (4.8%)

Tahap masalah kewangan

Rajah 3 yang berikut menunjukkan peratus keseluruhan masalah kewangan responden kajian. Walaupun analisis deskriptif menunjukkan hampir separuh daripada jumlah responden mempunyai masalah kewangan, namun peratus keseluruhan masalah kewangan berada pada tahap yang rendah, iaitu dengan

nilai peratusan sebanyak 76%. Hal ini menunjukkan mereka tidak mempunyai masalah kewangan yang serius. Walau bagaimanapun, responden dilihat lemah dalam aspek yang berkaitan dengan pengurusan hutang. Contohnya, hampir 40% daripada jumlah responden akan berhutang sebelum mendapat gaji.



Rajah 3: Tahap Masalah Kewangan

Pengurusan hutang

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada satu pertiga responden (31.7%) setuju berjimat apabila kehabisan wang, manakala separuh daripada jumlah responden tidak bersetuju hanya akan berjimat apabila kehabisan wang. Hasil kajian juga mendapati bahawa sebanyak 60% daripada jumlah responden menyatakan mereka perlu berhutang untuk membayar kos-kos yang berkaitan dengan pemilikan perumahan seperti cukai tanah, kos pembaikan, penyelenggaraan dan sebagainya. Sementara itu, lebih daripada satu perdua responden setuju perlu berhutang untuk membayar kos perubatan manakala separuh daripada jumlah responden, iaitu sebanyak 57.1% tidak pasti jumlah sebenar pinjaman atau hutang yang ada. Sebaliknya, 69.8% daripada jumlah responden tidak mempunyai masalah pembayaran balik pinjaman atau hutang dalam 12 bulan kebelakangan ini. Dapatan juga menunjukkan 77.6% daripada jumlah responden dilihat setuju sanggup menjual barangan kemas atau saham pelaburan untuk membayar hutang. Hal ini jelas menunjukkan responden berusaha untuk menguruskan hutang sebaik-baik mungkin walaupun masih terdapat sesetengah responden yang masih lemah dalam menguruskan hutang. Contohnya, hampir satu perempat responden mempunyai bayaran bulanan kereta yang tertunggak walaupun


77.7% daripada jumlah responden mampu membayar bulanan kereta pada setiap bulan.

Jadual 6: Pengurusan Hutang

No.	Pengurusan Hutang	Tidak Setuju (%)	Tak Pasti (%)	Setuju (%)
1.	Sebelum membuat pinjaman saya akan pastikan kadar faedah pinjaman tersebut adalah rendah.	8 (1.6)	55 (11.5)	417 (86.9)
2.	Saya berfikir tentang kemampuan pembayaran balik sebelum melakukan pinjaman.	4 (0.8)	33 (6.9)	443 (92.3)
3.	Saya membuat perbandingan institusi-institusi kewangan sebelum memohon pinjaman perumahan.	9 (1.8)	66 (13.8)	405 (84.4)
4.	Saya hanya akan berjimat apabila kehabisan wang.	220 (45.9)	111 (23.1)	149 (31.1)
5.	Saya tidak dapat membayangkan kehidupan tanpa kad kredit.	317 (66)	100 (20.8)	63 (13.1)
6.	Saya tidak akan mengubah corak perbelanjaan walaupun terpaksa berhutang.	319 (66.5)	107 (22.3)	54 (11.2)
7.	Saya sanggup berhabisan wang untuk menambah aksesori kereta berbanding dengan membayar hutang/pinjaman.	391 (81.5)	54 (11.2)	35 (7.3)
8.	Saya mampu memiliki banyak barangan dengan cara berhutang.	340 (70.8)	80 (16.7)	60 (12.5)
9.	Saya perlu berhutang untuk membayar kos-kos berkaitan dengan pemilikan perumahan seperti cukai tanah, kos pembaikan,penyelenggaraan dan sebagainya.	81 (16.9)	111 (23.1)	288 (60)
10.	Saya mempunyai masalah pembayaran balik pinjaman/hutang dalam 12 bulan kebelakangan ini.	335 (69.8)	92 (19.2)	53 (11.1)
11.	Saya perlu berhutang untuk membayar kos perubatan.	24 (5)	86 (17.9)	370 (77.1)
12.	Saya terpaksa membuat pinjaman supaya keluarga dapat berbelanja lebih.	379 (79)	69 (14.4)	32 (6.6)
13.	Saya tidak kisah berhutang untuk percutian.	386 (80.6)	55 (11.5)	39 (8.1)
14.	Saya sanggup berhutang setiap bulan asalkan dapat memiliki apa yang diidamkan.	387 (80.5)	59 (12.3)	34 (7)
15.	Saya tidak pasti jumlah sebenar pinjaman/hutang yang saya ada.	75 (15.6)	131 (27.3)	274 (57.1)
16.	Saya menjual barang kemas/saham pelaburan untuk membayar hutang.	372 (77.6)	78 (16.2)	30 (6.2)
17.	Pembayaran bulanan kereta saya tertunggak.	373 (77.7)	68 (14.2)	39 (8.1)

Tahap pengurusan hutang

Analisis diskriptif yang ditunjukkan dalam Rajah 4 dilakukan bagi mengkaji tahap pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Keseluruhan daripada analisis ini mendapati bahawa tahap pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda turut berada pada tahap sederhana (58%). Walaubagaimanapun, berbanding dengan tahap pengetahuan, lebih daripada satu perlima daripada responden mempunyai tahap pengurusan hutang yang tinggi dan hanya 15% daripada jumlah responden yang mempunyai tahap pengurusan hutang yang rendah. Responden dilihat masih tidak tahu membezakan antara aspek keperluan dengan kehendak. Contohnya, hampir 30% daripada jumlah responden sanggup menambah aksesori kereta berbanding dengan membayar hutang/pinjaman yang lain, manakala hampir 20% daripada jumlah responden sanggup berhutang hanya untuk bercuti.



Rajah 4: Tahap Pengurusan Hutang

Kesimpulan dan implikasi

Keseluruhannya, kajian ini melihat secara deskriptif literasi kewangan, amalan pengurusan kewangan, masalah kewangan dan pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Kajian mendapati bahawa literasi kewangan yang berkaitan dengan kad kredit, caj kad kredit, tempoh pembayaran balik pinjaman dan sebagainya masih belum dikuasai sepenuhnya oleh pekerja muda. Hal ini jelas ditunjukkan apabila tahap literasi pekerja muda hanya berada pada tahap sederhana. Contohnya, hanya 68.8% daripada jumlah responden mengetahui caj kewangan kad kredit yang memberikan impak pada kos penggunanya. Walaubagaimanapun, keseluruhan masalah kewangan pekerja muda adalah pada tahap yang rendah, iaitu menunjukkan bahawa pekerja muda tidak dibebani oleh masalah kewangan yang serius sehingga menjejaskan kehidupan mereka. Kebanyakan responden tidak perlu

meminjam untuk membeli barangan keperluan dan mempunyai wang tunai yang mencukupi untuk masa kecemasan. Walaupun begitu, secara umumnya peratusan tahap pengurusan hutang juga berada pada tahap sederhana dan hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai masalah dalam mengenal pasti hutang yang ada dan dalam membuat perbandingan institusi kewangan sehinggakan perlu berhutang untuk rawatan perubatan. Tahap sederhana ini masih perlu ditingkatkan agar pekerja muda mahir dalam menguruskan bebanan hutang. Hal ini penting bagi menjamin kecukupan kewangan dalam jangka masa panjang.

Pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda penting agar statistik muflis generasi muda dapat dikurangkan. Program-program kesedaran, kursus atau seminar yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan institusi kewangan swasta yang lain tidak memberi impak yang positif terhadap perubahan pengurusan hutang dalam kalangan generasi muda. Pekerja muda menganggap mereka memahami pengetahuan asas mengenai kewangan, walhal mereka masih lemah dalam menguruskan kewangan dan tidak tahu mengaplikasikan pengetahuan yang difahami dengan amalan yang dilakukan seharian sehingga akhirnya membawa kepada bebanan hutang.

Kajian ini turut memberikan implikasi terhadap beberapa pihak. Antara pihak yang terbabit ialah golongan muda itu sendiri. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang berbeza mengenai pentingnya literasi dan amalan pengurusan kewangan kerana ia akan membantu individu dalam menghadapi masalah kewangan dengan menguruskan bebanan hutang dengan bijak. Bagi menangani masalah ini, generasi muda sendiri perlu mempunyai inisiatif tersendiri. Mengurangkan perbelanjaan yang dianggap bukan keperluan harus diteliti kembali agar wang tidak disalurkan kepada barangan yang tidak bermanfaat. Peningkatan produk-produk kewangan yang kompleks menyebabkan pekerja muda mudah terpedaya sehingga membawa kepada bebanan hutang. Isu ini perlu dipandang serius oleh pihak berwajib dalam memberi pendedahan kepada golongan ini. Pengetahuan kewangan yang kurang dalam kalangan pekerja muda menjadikan mereka golongan sasaran oleh institusi kewangan bagi memperoleh keuntungan. Hal ini jelas ditunjukkan dalam hasil analisis kajian yang mendapati pekerja muda tidak mempunyai pengetahuan dalam penggunaan kad kredit.

Selain itu, generasi muda juga disarankan untuk meminta pandangan daripada agensi profesional dalam menguruskan kewangan dengan lebih baik, contohnya AKPK. Walaubagaimanapun, AKPK masih perlu meluaskan lagi peranan mereka apabila masih terdapat segelintir pekerja muda yang menyalah anggap peranan AKPK sebagai agensi meminjam wang.

Pihak kerajaan turut memainkan peranan penting dalam memupuk kesedaran terhadap pengurusan hutang. Pendedahan mengenai kewangan wajar diberikan kepada golongan muda yang baru memasuki alam pekerjaan. Kaunseling di tempat kerja juga dilihat dapat memberikan maklumbalas yang positif terhadap kemahiran menguruskan hutang. Di samping itu, pendidikan kewangan dari akar umbi amat diperlukan. Modul-modul kemahiran kewangan perlu diterapkan terutamanya di peringkat sekolah, universiti, kolej dan institusi pendidikan yang lain. Kesimpulannya, kajian berhubung pengurusan hutang ini dilihat sebagai satu kajian yang dapat memberi manfaat terutamanya kepada pekerja muda. Pekerja muda sering menganggap hutang sebagai perkara yang membebankan, namun jika hutang yang dimiliki mereka dapat diuruskan dengan baik maka skenario muflis seperti yang dilihat pada masa ini dapat dihindari.

Rujukan

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). (2012). Ingat Cuma 10%! Dimuat turun di <http://www.akpk.org.my/learning/articles-and-tips/id/482/ingat-cuma-10-peratus> pada 23 Jun 2013

Bell, E., & Lerman, R. I. (2005). Can financial literacy enhance asset building? Opportunity and ownership project. *The Urban Institute*, 9(6), 1-7.

Dowling, N.A., Corney, T., & Hoiles, L. (2009). Financial management practices and money attitudes as determinants of financial problems and dissatisfaction in young male Australian workers. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 20(2), 5-13.

Fazli, M.S., MacDonald, M., Hira, T.K., & Jariah, M. (2010). Childhood consumer experience and the financial literacy of college students in Malaysia. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 38(4), 455-467.

Fazli, M.S. & Mumtazah, O. (2010). Financial literacy: Research, education and policy implication. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 14, 53-71.

FINRA releases 2012 National Financial Capability Study. Dimuat turun pada 26 Jun 2013 daripada <http://missouri.councilforeconed.org/2013/16/17/finra-releases-2012-national-financial-capability-study/#sthash.hYcJNaBQ.dpuf>

Husniyah, A. R., Syuhaily, O., M. Fazli, S., M. Amim, O., & Ahmad Hariza, H. (2005). Gelagat perancangan kewangan keluarga di Malaysia. *Journal of Consumer and Family Economics*, 8, 27-39.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). Dimuat turun pada 1 Julai 2013 daripada <http://www.statistics.gov.my>

Jabatan Insolvency Negara (2005-Jun2012). Statistik Muflis. Dimuat turun pada 1 Julai 2013 daripada <http://www.insolvency.gov.ms/>

Jodi, L.P. & Phyliss, J. J. (1998). The impact of financial attitudes and knowledge on financial management and satisfaction of recently married individuals. *Financial Counseling and Planning*, 9, 2, 59-75.

Joo, S. & Grable, J. E. (2004). An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Economic Issues*, 25, 25-50.

Kementerian Kewangan Malaysia, Keluaran dalam Negara Kasar Tahunan (2005-2012). Dimuat turun pada 26 Jun 2013 daripada [http://www.statistics.gov.my/portal/downloadAkaun/files/annualgdp/2012/Pen erbitan KDNK Tahunan 2005-2012.pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/downloadAkaun/files/annualgdp/2012/Pen%20erbitan%20KDNK%20Tahunan%202005-2012.pdf)

Lusardi, A. & Tufano, Peter. (2009). Debt literacy, financial experiences, and overindebtedness. *The National Bureau of Economic Research*.

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC). (2012). Dimuat turun daripada [https://www.insuranceinfo.com.my/help_and_advice/announcement _article.php?intPrefLangID=2&&intArticleID=88](https://www.insuranceinfo.com.my/help_and_advice/announcement_article.php?intPrefLangID=2&&intArticleID=88) pada Jun 30.

Roberts, J. A. & Jones, E. (2001). Money attitudes, credit card use, and compulsive buying among American college students. *Journal of Consumer Affairs*, 35, 213-240.

Stutchbury, M. (2010). Crisis puts nails back in Keynesian. *Economics Editors: The Australian*.

Thums, S.L., Newman, B.M., & Xiao, J.J.(2008). Credit card debt reduction and development stages of the lifespan. *Journal of Personal Finance*, 6, 86-107.

Williams, F.L., Haldeman, V., & Cramer, S.(1996). Financial concerns and productivity. *Financial Counseling and Planning Education*, 7.

Whitsett, C.H., (2012). High debt, low information: A survey of student loan borrowers. *NERA Economic Consulting on Behalf of Young Invincibles*.

Zaimah, R. (2010). Pengaruh pengetahuan, tingkah laku dan pembuatan keputusan kewangan ke atas kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin. *Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia*.

Zimmermann, E. (2011). Germany: Young People Caught in Debt Trap. Dimuat turun pada 1 Julai 2013 daripada <http://intsse.com/wswspdf/en/articles/2011/11/germ-n09.pdf>